

'Pengorbanan ibu buat saya sebak'

Graduan ijazah UTHM kongsi kisah suka duka hidup, tumpang lori semata-mata mahu ke sekolah

■ KAMARUL HALIM M KAMAL

BATU PAHAT - Kesusahan yang dialami semasa di bangku sekolah dirasakan berbaloi apabila meraih anugerah pencapaian akademik tertinggi pada Majlis Konvokesyen ke-16, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

Pengorbanan Ahmad Najmi Amerhaider Nuar, 26, bersama ibunya yang perlukan menumpang lori meredah ladang kelapa sawit sejauh tujuh kilometer semata-mata mahu ke sekolah boleh dianggap sebagai usaha yang berbaloi apabila dia menerima Anugerah Pelajaran Diraja UTHM (Pingat Jaya Cemerlang).

Dia yang juga graduan jurusan Sains Komputer berkata, demi memastikan dia dan dua adiknya mendapat pendidikan sempurna, ibunya turut berkorban dengan berjalan kaki lebih enam kilometer un-

tuk mencari rezki.

"Walaupun hidup kami sekeluarga susah ketika itu, namun ibulah yang menjadi sumber kekuatan saya kerana tidak putus-putus memberikan sokongan agar saya mencejar cita-cita iaitu belajar di menara gading.

"Sejak kecil lagi ibu juga-lah yang menanam semangat kami adik beradik untuk belajar. Pengorbanan ibu cukup membuatkan saya sebak.

"Malah, pengalaman bersama ibu dan dua adiknya menumpang sebuah lori untuk ke sekolah akan saya ingat sampai bila-bila. Ibu pula kini bertarung dengan kanser payu dada, jadi mungkin tiba masa-nya untuk kami anak-anak pula yang berkorban untuknya," katanya yang turut membuka syarikat pembangunan laman web sejak tiga bulan lalu di Parit Raja, di sini.

Menurutnya, pengalaman



Ahmad Najmi (tengah) bersama ibu (dua, kiri) dan bapa tiri serta adik-beradik gembira melihat Anugerah Pelajaran Diraja UTHM yang diperolehnya.

memberinya ilmu yang berguna kerana sebelum ini dia bukanlah tergolong dalam pelajar cemerlang baik dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) mahupun Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Bagaimanapun, katanya, semua itu bukanlah alasan untuk dia menyerah kalah, sebaliknya ia menjadi pem-bakar semangat untuk bangkit semula dengan mengambil Sijil Kemahiran Komputer di

Yayasan Pelajaran Johor (YPJ) pada tahun 2008.

"Demi membala jasa ibu saya terus belajar dan menyambung pengajian di Kolej PolyTech Mara (KPTM) dalam Diploma Teknologi dan

kini berjaya menggenggam se-gulung Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer di UTHM.

"Dalam masa yang sama, saya juga sedang menyambung pengajian saya di UTHM dan bercita-cita mendapatkan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang yang sama," katanya.

Sementara itu, ibunya, Norhayati Mohd Amir, 54, berkata, dia terharu dengan ke-jayaan Ahmad Najmi dan sukar menggambarkan perasaan tersebut dengan kata-kata apabila anak sulungnya itu kini berjaya dalam pengajiannya.

"Setiap ibu pasti akan mahukan anaknya berjaya... segala penat lelah saya sebelum ini biarlah saya sahaja yang tahu. Alhamdulillah, se-gala kepayahan kami selama ini hilang perlahan-lahan setelah anak-anak saya berjaya dalam hidup masing-masing," katanya.